



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/2/2012



RIBUAN belia dari seluruh Semenanjung yang menghadiri program Bicara Minda Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.



TUN Dr. Mahathir Mohamad bersama Ahmad Shabery Cheek ketika menjawab pertanyaan pemimpin belia pada program Bicara Minda Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di PWTC, semalam.

## Kepimpinan Dr. M keluarkan rakyat daripada belenggu terlalu terikat cara lama


# Tingkat kualiti hidup rakyat

KUALA LUMPUR 24 Feb. Era kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memperkenalkan pelbagai ciptaan baru telah berjaya mengubah dan meningkatkan banyak aspek kehidupan rakyat negara ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, sebagai tokoh pencipta, bekas Perdana Menteri itu sebenarnya telah berjaya mengeluarkan rakyat daripada belenggu terlalu terikat kepada perkara-perkara lama, yang menyekat kemajuan negara.

"Separuh daripada masa yang telah kita lalui telah dicorakkan oleh Dr. Mahathir sewaktu beliau memimpin negara. Kita boleh katakan beliau sebagai pencipta yang memberi ciptaan baru kepada Malaysia.

"Kita masih ingat bagaimana be-



liau menyamakan waktu di Semenanjung dengan Sabah dari Sarawak. Ia telah mengubah cara kehidupan kita, cara kita bekerja dan sebagainya sehinggakan negara jiran pun ikut sama," katanya ketika berucap pada Bicara Minda Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad: Transformasi Kepimpinan Belia Meniti Cabaran Wawasan 2020 di sini hari ini.

Hadir sama kedua-dua timbalannya, Datuk Razali Ibrahim dan Senator Gan Ping Sieu.

Program anjuran Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia (MBM) itu dihadiri kira-kira 1,000 kumpulan sasar terdiri daripada pelbagai pertubuhan belia, ahli akademik, sektor korporat dan belia-belie Malaysia bagi merenca-



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

nakan pelbagai transformasi ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Ahmad Shabery berkata, sebagai negarawan, Dr. Mahathir juga merupakan seorang tokoh pembaharuan, modernis dan transformis namun bukan seorang dogmatis iaitu seseorang yang hanya mengikut perkara-perkara lama yang biasa diamalkan manusia.

"Tidak ramai yang sedar bahawa

Dr. Mahathir bukan dogmatis yang berfikir bahawa Malaysia tidak boleh lawan negara-negara besar terutama Barat, tidak boleh sangah negara kuasa besar. Beliau mengubah semua itu, lantang bersuara dan salah satu ciptaan paling bermakna bagi rakyat kita adalah mencipta slogan Malaysia Boleh.

"Hasil daripada itu, ia telah membangkitkan rasa yakin rakyat kita bahawa kita mampu berada sendirian dengan orang lain di dunia," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia malah dunia sentiasa mengingati perubahan yang dibawa oleh Dr. Mahathir dan ia adalah bukti bahawa beliau adalah seorang negarawan yang terunggul sekali gus perlu ditonjolkan oleh semua golongan belia.